



Anwar ketika mengadakan pertemuan tertutup bersama Rustam di Kazan.

(Foto BERNAMA)

# Tatarstan miliki potensi besar untuk diterokai

BERITA HARIAN

17 MAY 2025

m/s: 2

## Malaysia sedia bincang isu perbankan dan pembangunan industri halal di Kazan

**Kazan (Tatarstan):** Republik Tatarstan mempunyai potensi besar untuk diterokai dan Malaysia bersedia untuk berbincang mengenai isu perdagangan dan ekonomi seperti pengenalan perbankan Islam dan pembangunan industri halal di Kazan.

Sehingga 2022, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata penduduk Tatarstan berjumlah 3.9 juta orang, terdiri daripada lebih 70 kumpulan etnik, dengan lebih 50 peratus daripada penduduknya beragama Islam.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia bersedia untuk menjalin kerjasama dan memperkukuh hubungan di antara kedua-dua negara.

“Saya percaya Tatarstan mempunyai potensi yang besar (dan terdapat) banyak cadangan yang telah dikemukakan.

“Kami bersedia untuk bekerjasama dan memperkukuh hubungan di antara kedua-dua pihak,” katanya semasa bertemu Rais (Ketua) Tatarstan, Rustam Minnikhanov.

Pertemuan itu diadakan di Kazan Kremlin dan dihadiri oleh Perdana Menteri Tatarstan, Alexey Pesoshin; Timbalan Menteri Tenaga Persekutuan Russia, Roman Marshavin; wakil kementerian dan jabatan republik serta ketua syarikat utama dalam industri pembinaan mesin.

Anwar yang juga Menteri Kewangan, mengetuai delegasi terdiri daripada Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Li Kang; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir; Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani dan Duta Besar Malaysia ke Russia, Datuk Cheong Loon Lai.

### Lawatan Anwar beri kesan

Sementara itu dalam satu kenyataan media, Rustam berkata, lawatan Anwar ke Kazan memberi kesan yang besar.

“Kami amat berbesar hati menerima kehadiran anda. Lawatan anda memberi dorongan kepada kami untuk bekerja dengan lebih giat. Hubungan ini perlu diperkukuh dan ditingkatkan,” katanya sambil mengucapkan terima kasih kepada Anwar kerana mengunjungi Tatarstan dan menyertai KazanForum 2025.

“Ia amat mengembirakan apabila satu delegasi yang berwisata daripada kalangan perniagaan turut serta dalam forum itu bersama anda.

“KazanForum sudah diadakan dalam status persekutuan selama

tiga tahun dan menjadi platform utama untuk menjalin kerjasama di antara Russia dan negara yang majoriti penduduknya beragama Islam.

“Ia juga satu penghormatan besar bagi kami kerana anda turut serta dalam mesyuarat Kumpulan Visi Strategik Russia-Dunia Islam,” kata Rustam.

Beliau turut berterima kasih kepada Anwar atas sokongan yang diberikan Malaysia dan menegaskan Tatarstan amat mementingkan pembangunan kerjasama dengan Malaysia dalam rangka hubungan mesra Russia-Malaysia.

Katanya, terdapat peningkatan dalam jumlah dagangan dua hala dan hubungan berkembang dalam sektor pertanian, minyak dan gas serta petrokimia, teknologi maklumat dan beberapa bidang lain.

“Republik kami ialah wilayah perintis untuk pelaksanaan prinsip perbankan dan pembiayaan Islam di Russia.

“Kami juga melaksanakan banyak usaha dari segi membangunkan industri halal. Ini juga bidang yang berpotensi tinggi untuk kerjasama kita.

“Rakan kami dari Malaysia memberikan sokongan yang baik. Kami belajar daripada anda dan menggunakan amalan yang terbaik,” katanya.

Terdahulu, beliau mengahdiahkan Perdana Menteri sebuah koleksi puisi dalam bahasa Inggeris oleh penyair klasik kesuasteraan Tatar, Gabdulla Tukai.

BERNAMA